

Tubuh pasukan petugas khas kaji kandungan akta

DBKL PERHALUSI PELAKSANAAN URA

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menubuhkan pasukan petugas khas bagi memperhalusi pelaksanaan Akta Pembaharuan Bandar (Urban Renewal Act, URA) yang bakal dikuatkuasakan tidak lama lagi, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif**.

Katanya pasukan tersebut akan memainkan peranan penting dalam memberi panduan serta menyokong pemilik hartanah yang terlibat dengan projek pembaharuan bandar khususnya di kawasan perumahan lama dan usang sekitar ibu negara.

"Pasukan petugas ini akan mengkaji kandungan akta yang dicadangkan serta mengenal pasti pendekatan terbaik untuk membantu pemilik dan pemaju hartanah yang berminat menyertai inisiatif pembangunan semula ini," katanya semasa berucap dalam forum anjuran REHDA Institute pada Selasa.

Menurutnya DBKL akan bekerjasama dengan pelbagai golongan profesional bagi memastikan proses pembangunan semula berjalan lancar dan mengambil kira hak serta kebajikan semua pihak terlibat.

"Kita di DBKL akan berperanan sebagai fasilitator membantu, bukan memaksa. Paling penting, inisiatif pembangunan semula mesti datang daripada pemilik sendiri. Pemaju seharusnya menjadi pihak terakhir yang terlibat," tegas beliau.

Akta Pembaharuan Bandar yang digerakkan oleh Kementerian



MAIMUNAH (tengah) bersama barisan penganjur dan panel dalam Lunch Forum anjuran REHDA Institute bertemakan 'Resilient Cities, Sustainable Futures'.

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan menggantikan undang-undang sedia ada yang dianggap lapuk dalam menangani isu kawasan perumahan lama, uzur dan berisiko di bandar-bandar utama, termasuk di Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan akta tersebut turut mencetuskan kebimbangan dalam kalangan kumpulan masyarakat sivil dan parti pembangkang yang berpandangan ia berpotensi menjejaskan penduduk berpendapatan rendah khususnya dari segi kemampuan memiliki semula unit perumahan pasca pembangunan.

Terdahulu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa URA tidak akan digunakan untuk memaksa pemilik menyerahkan hartanah

mereka atau mengubah komposisi etnik sesebuah kawasan kejiranan.

"Kerajaan menjamin tidak akan berlaku pengambilan paksa unit rumah milik penduduk, malah setiap proses pembaharuan bandar akan melalui rundingan dan persetujuan bersama," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, DBKL akan mempergiatkan sesi libat urus dengan pemilik hartanah, penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan maklumat mengenai peranan, manfaat dan perlindungan di bawah URA dapat difahami sepenuhnya sebelum sebarang projek dilaksanakan.

Pakar-pakar perbandaran melihat langkah penubuhan pasukan petugas ini sebagai isyarat komitmen DBKL untuk bertindak proaktif dalam memastikan pelaksanaan URA dibuat secara telus. 